

UMS adakan Hari Terbuka Asasi Sains 29 Januari

NST 28.01.2012 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan Hari Terbuka Asasi Sains pada 29 Januari ini.

Hari Terbuka itu yang dikendalikan oleh Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST) akan bermula pada pukul 9 pagi hingga 3 petang di Bangunan Sekolah Sains dan Teknologi UMS.

Ia antara lain bertujuan untuk menyampaikan maklumat mengenai peluang pengajian Program Asasi Sains yang ditawarkan oleh UMS khususnya kepada warga bumiputera lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2011 serta pelajar-pelajar aliran sains yang bakal menghadapi peperiksaan tersebut pada tahun ini.

Di samping itu, ia juga sebagai medan saluran maklumat yang mutakhir kepada guru kaunselor, warga pendidik, ibu bapa dan masyarakat setempat mengenai program berkenaan. Sehubungan itu, orang ramai dipelawa hadir bagi menjayakani program tersebut.

Dalam pada itu, PPST UMS juga turut mengadakan siri Program Jelajah dan Promosi Program Asasi Sains ke setiap daerah yang mempunyai sekolah yang menawarkan Aliran Sains.

Pada 31 Januari hingga 3 Februari 2012, PPST akan bertandang ke daerah Ranau, Sandakan Labuk Sagut, Tongod dan Kinabatangan. Ppada 7-9 Februari siri jelajah dan promosi Pusat Asasi Sains ini akan berada di Kota Kinabalu, Penampang, Beaufort, Kuala Penyu dan Papar.

Ia disusuli dengan kunjungan ke daerah Keningau, Pensiangan, Nabawan, Tambunan, Sipitang dan Tenom pada 13-15 Februari. Jelajah dan promosi itu akan diakhiri ke daerah Tawau, Semporna, Kunak dan Lahad Datu pada 20-24 Februari 2012.

Sebelum ini, PPST UMS telah mengadakan pameran dan promosi di sekolah-sekolah Aliran Sains sekitar daerah Tuaran, Kota Belud, Kota Marudu, Pitas dan Kudat.